

“Syaitan di Lautan”: Analisis Āthār ‘Abdullāh Bin ‘Amr Bin Al-‘Āṣ Tentang  
Ancaman Sinkretisme Akidah di Era Digital

*“The Devil in the Ocean” : Analysis of Āthār of ‘Abdullāh Bin ‘Amr Bin Al-‘Āṣ on the Threat of  
Creedal Syncretism in the Digital Era*

KHAIRULNAZRIN NASIR\*

Academy of Islamic Studies, University of Malaya Education Centre (UMEC), Bachok, 16310 Bachok, Kelantan,  
Malaysia.

ORCID iD : <https://orcid.org/0000-0002-9073-9284>

KHADHER AHMAD

Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Federal Territory, Malaysia

ORCID iD : <https://orcid.org/0000-0001-5181-0183>

AHMAD ZAHIRUDDIN MOHD ZABIDI

Academy of Malay Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Federal Territory, Malaysia

ORCID iD : <https://orcid.org/0000-0003-2453-5336>

MEGUELLATI ACHOUR

University of Bordj Bou Arreridj, El-Anasser, 34030 Bordj Bou Arreridj, Algeria

ORCID iD : <https://orcid.org/0000-0001-7675-0711>

\*Corresponding Author; email: [khairulnazrin@um.edu.my](mailto:khairulnazrin@um.edu.my)

Received: 29 October 2025/ Received in revised form: 17 April 2026/

Accepted: 20 April 2026/ Published: 2 June 2026

ABSTRAK

*Era digital telah melahirkan satu cabaran akidah yang kompleks, iaitu fenomena “sinkretisme digital.” Terma ini merujuk kepada percampuran halus antara prinsip-prinsip Islam yang tulen dengan ideologi asing melalui platform Internet tanpa disedari oleh pengguna awam. Prinsip-prinsip teras Islam dicampuradukkan secara halus dengan ideologi asing seperti spiritualiti Zaman Baru (New Age) dan pseudosains. Ancaman ini tidak menolak agama secara terang-terangan, sebaliknya beroperasi melalui penyerapan dan pembingkai semula (reframing) ayat-ayat al-Quran dan terminologi Islam untuk memberikan legitimasi kepada pandangan alam bukan-tauhidik. Artikel ini menghujahkan bahawa āthār (riwayat sahabat) ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ mengenai “syaitan laut” yang akan keluar dan “membaca Quran” kepada manusia yang diriwayatkan dalam Muqaddimah Sahih Muslim berfungsi sebagai kerangka metafora yang tajam untuk menganalisis ancaman kontemporari ini. Walaupun majoriti ulama hadis mengklasifikasikannya sebagai Isra’iliyyat dan bukan sumber akidah yang pasti, kajian ini mengemukakan satu pembacaan hermeneutik di mana “lautan” melambangkan internet yang tidak terkawal, “syaitan yang dibebaskan” mewakili ideologi subversif yang disebarkan tanpa sempadan dan tindakan “membaca Quran” adalah analogi tepat bagi strategi penyelewengan makna (tahrif al-ma’nawi). Melalui metodologi analisis kandungan kualitatif, kajian ini terlebih dahulu membedah status āthār menurut neraca ilmu hadis, sebelum menganalisis kajian kes fenomena semasa seperti “Undang-undang Tarikan Islamik” (Islamic Law of Attraction) dan komodifikasi ayat al-shifa’ (ayat-ayat penyembuhan). Dapatan menunjukkan bahawa platform digital membolehkan penyebaran ideologi sinkretik yang menggunakan mekanisme dekontekstualisasi, pemilihan selektif (cherry-picking) dan eisegesis untuk mencipta sebuah “Quran” palsu yang mengancam integriti akidah. Artikel ini menyumbang kepada wacana ilmiah dengan merapatkan jurang antara pengajian turath dan cabaran teologi moden, sekali gus menggariskan keperluan mendesak untuk literasi agama digital yang kritis dalam kalangan umat Islam.*

*Kata kunci: Akidah Islamiah; Āthār ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ; era digital; penyelewengan al-Quran; sinkretisme*

ABSTRACT

*The digital era has given rise to a complex creedal challenge: the phenomenon of “digital syncretism,” in which core Islamic principles are subtly blended with external ideologies such as New Age spirituality and pseudoscience. This threat does not openly reject religion but operates through the appropriation and reframing of Quranic verses and*

*Islamic terminology to legitimise non-monotheistic worldviews. The study argues that the āthār (Companion report) of ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ regarding “sea devils” that will emerge and “recite a Quran” to people, as narrated in the Muqaddimah of Sahih Muslim, offers a compelling metaphorical framework for analysing this contemporary phenomenon. Although most hadith scholars classify this report as Isra’iliyyat and not a definitive source of creed, the study proposes a hermeneutical reading in which the “ocean” symbolises the unregulated digital sphere, the “released devils” represent borderless subversive ideologies, and the act of “reciting a Quran” serves as a precise analogy for the distortion of meaning (taḥrif al-ma’nawi). Employing a qualitative content analysis methodology, the study first examines the status of the āthār within the science of hadith, before analysing contemporary case studies such as the so-called “Islamic Law of Attraction” and the commodification of ayat al-shifā’ (healing verses). The findings indicate that digital platforms facilitate the spread of syncretic ideologies through mechanisms of decontextualisation, selective appropriation, and eisegesis, thereby constructing a misleading “Quran” that threatens the integrity of the creed. The study contributes to scholarly discourse by bridging turath (classical heritage) studies with contemporary theological challenges, underscoring the urgent need for critical digital religious literacy among Muslims.*

*Keywords:* Āthār ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ; digital era; distortion of the Quran; Islamic creed; syncretism

## PENGENALAN

Kemunculan era digital pada abad ke-21 telah melahirkan satu medan baharu bagi ancaman akidah yang lebih halus dan kompleks (Khamis 2024; Haq & Kwok 2024; Dahlan et al. 2025). Era ini menyaksikan kemunculan fenomena yang boleh diistilahkan sebagai “sinkretisme digital,” iaitu satu proses mencampuradukkan (*takhlit*) antara prinsip-prinsip akidah Islam yang fundamental dengan falsafah, ideologi dan amalan spiritual asing yang disebarkan secara meluas melalui platform media sosial, blog dan aplikasi digital (Zaid et al. 2022; Khamis 2024; Haq & Kwok 2024).

Konsep sinkretisme merujuk kepada proses hibrid di mana prinsip-prinsip akidah Islam digabungkan dengan elemen luar seperti nilai kosmopolitan moden, hiburan, dan naratif peribadi melalui platform digital (Zaid et al. 2022; Khamis 2024). Proses ini boleh mengubah pemahaman tradisional tanpa penolakan langsung terhadap ajaran Islam. Sebagai contoh, pengaruh media sosial membolehkan penyepaduan etika Islam dengan gaya hidup global. Hal ini dapat dilihat dalam kandungan pempengaruh (*influencer content*) yang menggabungkan pengajaran agama dengan isu harian seperti kesihatan atau keharmonian antara agama (Dahlan et al. 2025; Haq & Kwok 2024). Akhirnya, perkara ini akan membentuk identiti Muslim yang lebih fleksibel, tetapi berpotensi meleburkan prinsip-prinsip akidah Islam yang fundamental.

Ancaman ini berbeza daripada penolakan agama secara terang-terangan (Dahlan et al. 2025; Zaid et al. 2022). Sebaliknya, ia beroperasi melalui penyerapan dan pembingkai semula (*reframing*) unsur-unsur agama dalam konteks yang lebih selesa dengan budaya kontemporari (Khamis 2024; Haq & Kwok 2024; *Religious moderation*

*in Instagram*, 2025). Dalam hal ini, konsep-konsep daripada spiritualiti Gerakan Zaman Baru (*New Age Movement*), panteisme dan pelbagai bentuk pseudosains digabungkan dengan ajaran Islam dengan cara menggunakan ayat-ayat al-Quran dan terminologi Islam secara terpilih dan di luar konteks (Yilmaz & Ozturk 2024; Guessoum 2023; Varisco 2016). Strategi ini mencipta satu ilusi kesahihan dan keserasian, menjadikannya amat sukar untuk dikesan dan dinilai secara kritis oleh masyarakat awam, terutamanya mereka yang mempunyai tahap pengetahuan agama yang terhad (Khamis 2024; Isetti et al. 2020; Rosman & Ab Rahman 2025).

Justeru, teras kajian ini ialah untuk menjawab persoalan bagaimanakah *āthār* ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ RA boleh dijadikan kerangka metafora yang relevan untuk mendiagnosis ancaman sinkretisme akidah di era digital? Persoalan kedua ialah bagaimana mekanisme penyelewengan teks al-Quran seperti dekontekstualisasi dan *eisegesis* memacu sinkretisme dalam talian, serta apakah implikasi teologinya terhadap integriti akidah tauhid? Bagi mencapai matlamat ini, objektif utama ialah: 1) menganalisis status dan tafsiran *āthār* tersebut menurut ilmu hadis; 2) menggunakannya sebagai kerangka analisis hermeneutik bagi memahami ciri-ciri sinkretisme digital; 3) membincangkan kaedah-kaedah penyelewengan al-Quran yang digunakan; dan 4) menilai kesan amalan sinkretik ini terhadap prinsip asas Islam. Sumbangan utama artikel ini adalah merapatkan jurang antara pengajian hadis klasik (*dirayah al-hadith*) dan fenomena kontemporari. Kajian ini tidak bertujuan untuk membuktikan kebenaran literal *āthār* tersebut, tetapi menawarkan interpretasi hermeneutik yang inovatif, sekali gus menegaskan bahawa riwayat *turath* ini mempunyai nilai relevan hingga kini. Tindakan Imam Muslim memasukkan *āthār* ini dalam *Muqaddimah* kitabnya adalah isyarat

berkaitan metodologi tentang kepentingan kritik sumber (*naqd al-rijal*) untuk menjaga kemurnian riwayat daripada golongan pendusta.

## ULASAN LITERATUR

Kajian ini dibina atas integrasi tiga bidang wacana ilmiah yang berbeza. Pertama, pengajian hadis klasik. Kedua, teologi Islam mengenai sinkretisme dan ketiga, analisis cabaran agama dalam era digital. Ulasan ini akan mensintesis dapatan-dapatan utama daripada setiap bidang untuk mengenal pasti jurang penyelidikan yang ingin dipenuhi oleh artikel ini.

### STATUS DAN TAFSIRAN ĀTHĀR ‘ABDULLĀH BIN ‘AMR BIN AL-‘ĀṢ RA

Sumber utama bagi *āthār* ini ialah *Muqaddimah* kepada *Ṣaḥīḥ Muslim*. Imam Muslim (m. 261 H) meletakkannya dalam bab yang memberi amaran terhadap perawi yang lemah dan pendusta (Muslim 1900). Tindakan ini dengan sendirinya memberikan konteks bahawa *āthār* ini dikemukakan bukan sebagai hujah akidah, tetapi sebagai contoh riwayat yang memerlukan kewaspadaan. Majoriti ulama hadis, termasuk tokoh-tokoh kontemporari seperti Syeikh Muḥammad bin Ṣāliḥ al-‘Uthaymīn mengklasifikasikan riwayat ini sebagai sebahagian daripada riwayat *Isra‘iliyyat*. Klasifikasi ini dilakukan berdasarkan fakta bahawa ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ dikenali sebagai seorang sahabat yang banyak mengambil riwayat daripada sumber-sumber Ahli Kitab. Beliau memperoleh dua muatan kitab mereka semasa penaklukan Yarmuk. Pendirian standard ulama terhadap riwayat *Isra‘iliyyat* yang tidak disahkan atau dinafikan oleh al-Quran dan al-Sunnah ialah *la nusaddiquhu wa la nukadhdhibuhu* (kita tidak membenarkannya dan tidak pula mendustakannya) dan ia hanya boleh diriwayatkan untuk tujuan pengajaran dan renungan (*i’tibar*), bukan untuk penetapan hukum atau akidah (Moaddab et al. 2016).

Fokus utama dalam perbincangan ulama ialah interpretasi frasa kritikal “فتقرأ على الناس قرآنا” (*fa-taqrā ‘ala al-nas qur‘anan*). Para penganalisis teks seperti al-Qaḍī ‘Iyāḍ (m. 544 H) menekankan penggunaan kata nama *nakirah* (bentuk tidak tentu atau *indefinite*) “قرآنا” (*qur‘anan*), yang berbeza daripada bentuk *ma‘rifah* (bentuk tentu atau *definite*) “القرآن” (*al-Qur‘an*) (al-Qaḍī ‘Iyāḍ 1998). Ini menunjukkan bahawa apa yang akan “dibacakan” oleh syaitan-syaitan itu bukanlah Kitab Suci yang

diwahyukan kepada Rasulullah SAW, tetapi sebuah “bacaan,” “himpunan ajaran,” atau kitab rekaan yang palsu, yang direka untuk meniru al-Quran tetapi pada hakikatnya adalah satu penipuan. Tafsiran ini selari dengan amaran al-Quran sendiri terhadap mereka yang menulis kitab dengan tangan mereka sendiri kemudian mendakwanya daripada Allah SWT (rujuk al-Baqarah 2:79).

### SINKRETISME AGAMA DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM

Sinkretisme agama ditakrifkan sebagai proses penggabungan atau percampuran unsur-unsur daripada sistem kepercayaan yang berbeza untuk membentuk satu sistem baharu, atau penyerapan kepercayaan asing ke dalam tradisi agama yang sedia ada (Pratisti 2018; Rofiqoh et al. 2021; Muliadi et al. 2024). Fenomena ini boleh berlaku akibat pertembungan budaya, penaklukan atau kewujudan bersama pelbagai agama dalam satu masyarakat (Farook 2021; Mehrdin et al. 2024; Pamungkas et al. 2023). Dari perspektif teologi Islam, konsep yang paling hampir dengan sinkretisme ialah *takhlīṭ* (mencampuradukkan) yang dilihat sebagai satu ancaman langsung kepada prinsip teras akidah iaitu Tauhid (Hariyadi et al. 2021; Abdullah 2025; Rofiqoh et al. 2021).

Islam, sebagai agama wahyu yang bersifat eksklusif dalam soal akidah dan ibadah, secara tegas menolak sebarang bentuk sinkretisme yang boleh mengaburkan batas-batas teologi dan membawa kepada dosa terbesar, iaitu syirik (menyekutukan Allah SWT) (Hariyadi et al. 2021; Pamungkas et al. 2023; Pratisti 2018). Al-Quran berulang kali memberi amaran terhadap perbuatan mencampuradukkan yang hak dengan yang batil (rujuk al-Baqarah 2:42) (Hariyadi et al. 2021; Abdullah 2025). Oleh itu, para ulama membezakan dengan jelas antara sinkretisme akidah yang diharamkan dengan proses asimilasi budaya atau akulturasi yang dibenarkan (Farook 2021; Muliadi et al. 2024; Rofiqoh et al. 2021).

Sebagai contoh, dalam ritual seperti Nyadran atau Makkuliwa Lopi, elemen budaya tempatan boleh digabungkan dengan niat Islamik untuk mempromosi solidariti sosial, tetapi ia mesti selaras dengan syariah tanpa mencipta simbol baru yang boleh membawa kepada syirik (Abdullah 2025; Muliadi et al. 2024). Namun, apabila ia melibatkan perkara-perkara asas akidah seperti sifat-sifat Allah SWT, hakikat ibadah dan sumber autoriti agama, maka sebarang kompromi atau pencampuran

adalah tertolak (Hariyadi et al. 2021; Pratisti 2018; Pamungkas et al. 2023).

Dalam analisis konseptual yang lebih mendalam, Mohd Mokhtar dan Sa'ari (2015) menjelaskan bahawa sinkretisme dalam perspektif Islam melibatkan dua dimensi yang mesti dibezakan secara teliti: sinkretisme akidah yang diharamkan secara mutlak, dan adaptasi budaya yang dibenarkan selagi tidak menjejaskan integriti tauhid. Pembezaan ini amat signifikan dalam konteks kajian ini, kerana gerakan-gerakan seperti “LoA Islamik” bergerak secara halus dari zon adaptasi yang dibenarkan ke zon sinkretisme akidah yang diharamkan, tanpa disedari oleh pengamalnya. Mekanisme penyelinap ini menggunakan terminologi Islam sebagai ‘pintu masuk’ kepada pandangan alam yang bertentangan dengan tauhid adalah selaras dengan apa yang dirujuk dalam kajian ini sebagai *tahrif al-ma'nawi* (penyelewengan makna).

#### CABARAN AKIDAH DALAM EKOSISTEM DIGITAL

Kajian-kajian kontemporari dalam bidang media dan pengajian agama telah banyak membincangkan bagaimana era digital telah mengubah landskap penyebaran maklumat keagamaan (Khamis 2024; Zaid et al. 2022; Abokhodair et al. 2024). Platform digital seperti media sosial, aplikasi penghantaran mesej dan laman perkongsian video telah menjadi sumber utama maklumat agama bagi ramai orang, terutamanya generasi muda (Zaid et al. 2022; Febrian 2024; Saihu 2024).

Dalam konteks Islam, salah satu cabaran utama ialah keruntuhan hierarki autoriti keagamaan tradisional (Febrian 2024; Zaid et al. 2022; Saihu 2024). Sesiapa sahaja, tanpa mengira kelayakan akademik atau pemahaman yang mendalam, boleh menjadi “pempengaruh agama” (*religious influencer*) dan menyebarkan tafsiran peribadi mereka kepada ribuan atau jutaan pengikut (Febrian 2024; Zaid et al. 2022; Khamis 2024). Kajian menunjukkan bahawa banyak aplikasi dan platform digital yang menyajikan kandungan al-Quran dan hadis tidak mempunyai mekanisme pengesahan yang rapi, menyebabkan penyebaran hadis-hadis lemah (*dha'if*) dan palsu (*mawdu'*) (Alshammari et al. 2022; Abokhodair et al. 2024; Zaid et al. 2022).

Daripada sudut akidah, keruntuhan hierarki autoriti ini membuka ruang kepada *tahrif al-ma'nawi* yang sistematik. Apabila platform seperti Instagram

dan TikTok membolehkan penyebaran tafsiran subjektif yang tidak disemak oleh pakar, prinsip-prinsip asas tauhid termasuk konsep al-Khaliq, sifat-sifat Allah SWT, dan hubungan manusia dengan Yang Maha Esa menjadi terdedah kepada penyelewengan yang berpotensi merosakkan akidah (Febrian 2024; Zaid et al. 2022). Ini adalah dimensi kritikal yang membezakan isu sinkretisme akidah daripada sekadar salah faham agama yang biasa.

#### JURANG KAJIAN

Terdapat jurang konseptual yang signifikan dalam wacana ilmiah semasa antara dua aliran kajian yang berjalan secara berasingan: kajian *turath* yang menumpukan kepada analisis filologi dan kritik hadis klasik (Moaddab et al. 2016; al-Qaḍi 'Iyāḍ 1998), dan kajian ekosistem digital yang menganalisis cabaran agama kontemporari daripada sudut sosiologi dan komunikasi (Khamis 2024; Zaid et al. 2022; Yilmaz & Ozturk 2024). Kedua-dua aliran ini belum pernah disatukan melalui satu kerangka hermeneutik yang menggunakan riwayat klasik sebagai alat diagnostik teologi untuk fenomena digital. Pola ini boleh dilihat, misalnya, dalam kajian Ismail dan Mahmood (2022) yang diterbitkan dalam *Islamiyyat* sebuah kajian yang meneliti pemikiran al-Ghazali mengenai hubungan antara prinsip-prinsip Islam dengan realiti sosial yang kompleks, namun tidak menghubungkannya secara langsung dengan ekosistem digital. Justeru, artikel ini menawarkan satu pendekatan baharu yang secara eksplisit menjembatani kedua-dua tradisi intelektual tersebut.

Sebagai contoh konkrit jurang ini: kajian Khamis (2024) meneliti transformasi wacana Islam dalam era digital tetapi tidak menggunakan kerangka klasik sebagai alat diagnostik; manakala kajian Hariyadi et al. (2021) memfokuskan pada kritik al-Quran terhadap sinkretisme tetapi tidak menghubungkannya dengan fenomena digital semasa. Artikel ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan membina jambatan konseptual antara *turath* (warisan) dan realiti kontemporari, menunjukkan bahawa krisis epistemologi hari ini, di mana kandungan digital tidak mempunyai *sanad* (rantai perawi) dan berkembang melalui dekontekstualisasi, dapat difahami melalui hermeneutik *āthār* tersebut sebagai “pembebasan syaitan-syaitan” yang melambangkan pembebasan maklumat daripada ketelitian metodologi dan saringan ilmiah.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang menggabungkan analisis kandungan (*content analysis*) dan hermeneutik teks (*textual hermeneutics*) bagi menyiasat secara sistematik ancaman sinkretisme akidah dalam ekosistem digital. Unit analisis kajian ini terbahagi kepada dua lapisan yang saling melengkapi. Lapisan pertama ialah teks *āthār* ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ RA sebagaimana termaktub dalam *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*, termasuk ulasan ulama hadis daripada pelbagai era. Lapisan kedua ialah kandungan digital berkaitan dua fenomena sinkretisme akidah terpilih, iaitu “Undang-undang Tarikan Islamik” (*Islamic Law of Attraction*) dan penyalahgunaan *ayat al-shifa*’ dalam amalan Zaman Baru, yang tersebar di platform media sosial utama.

Sumber data primer kajian ini merangkumi: (1) teks *āthār* asal daripada *Ṣaḥīḥ Muslim* (Muslim 1900) dan sumber-sumber hadis primer yang berkaitan; (2) ulasan ulama silam dan kontemporari terhadap *āthār* tersebut, khususnya *Ikmal al-Mu’lim* oleh al-Qaḍi ‘Iyad (1998) dan *Al-Mufhim* oleh al-Qurṭubi (1996); dan (3) kandungan digital yang diambil secara bertujuan daripada platform Instagram, YouTube dan TikTok berdasarkan kriteria eksplisit. Sumber data sekunder pula merangkumi kajian-kajian akademik berindeks Scopus dan Web of Science yang membahaskan sinkretisme agama, tafsir al-Quran dan ekosistem agama digital.

Dua kajian kes dipilih berdasarkan tiga kriteria eksplisit yang berikut: (i) kandungan tersebut secara terperinci menggunakan teks al-Quran atau terminologi Islam untuk melegitimasi *weltanschauung* (pandangan alam) bukan-tauhidik; (ii) kandungan tersebut memmanifestasikan sekurang-kurangnya dua daripada tiga mekanisme penyelewengan teks yang dikenal pasti, iaitu dekontekstualisasi, *cherry-picking* dan *eisegesis*; dan (iii) fenomena tersebut mempunyai kehadiran digital yang signifikan dan boleh diverifikasi, menunjukkan skala penyebaran yang meluas merentasi sempadan geografi dan budaya. Kedua-dua kes memenuhi ketiga-tiga kriteria ini secara langsung. Ia bukan dipilih sebagai contoh terpencil, sebaliknya sebagai manifestasi representatif bagi pola sinkretisme akidah digital yang lebih luas.

Analisis dijalankan dalam tiga peringkat berurutan yang membentuk aliran metodologi yang koheren.

1. Peringkat pertama (Analisis Tekstual Klasik) melibatkan *takhrij āthār* secara sistematik meneliti sanad, matan, dan ulasan ulama untuk menetapkan status riwayat dan mengekstrak komponen semantik yang relevan bagi pembacaan hermeneutik.
2. Peringkat kedua (Analisis Kandungan Digital) melibatkan pengenalpastian mekanisme penyelewengan teks dalam dua kajian kes terpilih, dengan meneliti cara teks-teks al-Quran digunakan, disalah tafsir, dan digabungkan dengan ideologi asing.
3. Peringkat ketiga (Sintesis Hermeneutik) mensintesis dapatan kedua-dua peringkat di atas untuk membina hubungan metaforikal antara elemen-elemen *āthār* dengan manifestasi sinkretisme digital semasa.

Kajian ini mengakui beberapa batasan yang perlu dicatatkan secara jujur. Pertama, pemilihan kandungan digital bersifat *purposive* dan tidak bertujuan membuat generalisasi statistik kepada keseluruhan ekosistem digital. Kedua, pembacaan hermeneutik terhadap *āthār* merupakan satu tafsiran inovatif yang menggunakan riwayat *Isra’iliyyat* sebagai “lensa” atau bingkai analisis, bukan sebagai sumber akidah yang muktamad (*qat’i*). Ketiga, skop kajian terhad kepada dua fenomena, yang meskipun representatif bagi corak sinkretisme digital, tidak mewakili keseluruhan landskap fenomena ini secara holistik.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dibentangkan dalam dua bahagian utama. Bahagian pertama memfokuskan pada analisis terperinci atau *takhrij* terhadap *āthār* ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ RA untuk menetapkan asas tekstual dan teologinya. Bahagian kedua membentangkan analisis kajian kes mengenai manifestasi sinkretisme digital kontemporari, yang berfungsi sebagai bukti empirikal bagi kerangka metafora yang diutarakan.

Dua fenomena kajian kes dipilih kerana masing-masing memenuhi ciri-ciri teras sinkretisme akidah secara eksplisit: kedua-duanya melibatkan pencampuran aktif antara *weltanschauung* (pandanganalam)bukan-tauhidikdenganterminologi dan teks Islam; kedua-duanya menjalankan *eisegesis* terhadap nas al-Quran dan hadis; dan kedua-duanya secara langsung menggantikan peranan ketuhanan sama ada dengan “alam semesta” sebagai agen

kosmik atau “frekuensi getaran” sebagai mekanisme penyembuhan yang menjejaskan prinsip tauhid rububiyah dan uluhiyyah secara serentak.

#### TAKHRIJ DAN ANALISIS ĀTHĀR ‘ABDULLĀH BIN ‘AMR BIN AL-‘ĀṢ RA

Teks penuh *āthār* seperti yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam *Muqaddimah Ṣaḥīḥ* beliau adalah seperti berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ، قَالَ: إِنَّ فِي الْبَحْرِ شَيْطَانِينَ مَسْجُونَةً أَوْتَقَاهَا سُلَيْمَانُ يُوشِكُ أَنْ تَخْرُجَ فَتَقْرَأَ عَلَى النَّاسِ فَرَأَانَا

Maksudnya: Daripada ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ, beliau berkata: “Sesungguhnya di dalam laut terdapat syaitan-syaitan yang dipenjarakan yang telah diikat oleh Sulaiman, (mereka) hampir akan keluar, lalu akan membacakan kepada manusia sebuah “quran.”

Daripada sudut ilmu *takhrij*, riwayat ini sampai kepada kita melalui rantai perawi yang boleh dipercayai. Imam Muslim (m. 261 H) meriwayatkannya melalui jalan ‘Abd al-Razzaq bin Hammam al-Ṣan’ani (m. 211 H) daripada Ma’mar bin Rāshid (m. 154 H) daripada ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘ĀṢ RA. Kedua-dua mereka merupakan tokoh-tokoh hadis yang berkaliber dan disifatkan sebagai *thiqah* oleh para pengkritik hadis. ‘Abd al-Razzaq adalah murid langsung Ma’mar dan pengarang *al-Muṣannaf*, salah satu kompilasi hadis terawal yang masih wujud. Oleh itu, dari sudut *‘ilm al-Jarh wa al-Ta’dil*, rantai perawi bagi *āthār* ini adalah sahih dan boleh dipertanggungjawabkan (Muslim 1900; al-Qaḍi ‘Iyāḍ 1998).

Namun, dari sudut klasifikasi hukum riwayat, *āthār* ini dikategorikan sebagai *mawqūf* iaitu perkataan atau perbuatan Sahabat, bukan perkataan Nabi SAW yang berstatus *marfu’*. Ini bermakna ia tidak membawa kekuatan hujah dalam penetapan akidah atau hukum Syarak, walaupun sanadnya sahih. Lebih jauh lagi, kandungannya menyentuh perkara *al-ghayb* (yang ghaib), iaitu peristiwa yang tidak dapat diketahui melalui akal semata-mata. Berdasarkan dua faktor ini statusnya sebagai *mawqūf* dan kandungannya yang bersifat ghaib majoriti ulama termasuk Ibn ‘Uthaymin berpandangan bahawa sumbernya berkemungkinan besar berasal daripada *Isra’iliyyat*, iaitu riwayat-riwayat yang diperoleh ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘ĀṢ daripada kitab-kitab Ahli Kitab yang beliau peroleh semasa penaklukan Yarmuk. Pendirian ulama dalam hal ini ialah *la nusaddiquhu wa la nukadhdhibuhu* tidak membenarkan dan tidak mendustakan dan riwayat

ini hanya boleh digunakan untuk tujuan *i’tibar* (renungan dan pengajaran), bukan sebagai asas akidah (Moaddab et al. 2016; Ibn ‘Uthaymin t.t.).

Analisis linguistik terhadap matan riwayat ini pula mendedahkan beberapa elemen yang amat signifikan. Pertama, penggunaan kata *yushiku* (كشوي) yang bermaksud “hampir,” “ada kemungkinan besar,” atau “menghampiri” menggambarkan sesuatu yang berada di ambang berlaku, bukan sesuatu yang telah berlaku atau yang pasti akan berlaku. Ini membuka ruang untuk tafsiran metaforikal dan kontekstual, tanpa mengikat pembaca kepada makna harfiah yang mutlak. Kedua, dan ini adalah yang paling kritikal, penggunaan kata *qur’anan* (أَرْق) dalam bentuk *nakirah* (tidak tentu) berbanding *al-Qur’an* dalam bentuk *ma’rifah* (tentu) adalah satu isyarat linguistik yang halus tetapi amat penting. Al-Qaḍi ‘Iyāḍ (m. 544 H) dalam *Ikmal al-Mu’lim* dan al-Qurṭubī (m. 671 H) dalam *Al-Mufhim* sama-sama menegaskan bahawa *qur’anan nakirah* bermakna sebuah “bacaan” atau “kitab” rekaan yang direka menyerupai wahyu, bukan al-Quran yang sebenar. Perbezaan tatabahasa ini secara langsung menyanggah tafsiran literal bahawa syaitan-syaitan akan membaca al-Quran yang sebenar, dan membuka jalan kepada pembacaan hermeneutik yang lebih luas (al-Qaḍi ‘Iyāḍ 1998; al-Qurṭubī 1996).

Analisis terhadap teks atau matan riwayat ini mendedahkan tiga komponen simbolik utama:

1. *Shayatin Masjunah* (syaitan yang dipenjarakan): Ini merujuk kepada kuasa-kuasa kejahatan, penipuan dan subversi yang pada suatu masa dahulu dikawal atau dibendung. Dalam konteks Nabi Sulaiman a.s., ia merujuk kepada penguasaan beliau ke atas jin dan syaitan dengan izin Allah SWT, seperti yang disebut dalam al-Quran (rujuk Sad 38:36-38). Secara metafora, ia boleh melambangkan ideologi-ideologi batil yang sentiasa wujud tetapi penyebarannya terkawal oleh benteng-benteng ilmu dan autoriti yang sahih.
2. *Yushik an Takhruj* (hampir akan keluar): Ungkapan ini menandakan satu peralihan zaman, satu era di mana kawalan dan benteng terhadap anasir-anasir subversif ini mula terlerai atau menjadi lemah. Ia menggambarkan satu keadaan di ambang kekacauan epistemologi, di mana kebatilan akan dilepaskan secara meluas.
3. *Fataqra’a... Qur’anan* (lalu membacakan sebuah “Quran”): Ini adalah komponen yang paling kritikal. Seperti yang telah dibincangkan oleh ulama, penggunaan kata nama *nakirah*

“لَأَرْقُ” adalah kunci utama untuk memahami maksud riwayat ini. Ia tidak merujuk kepada al-Quran yang mulia, tetapi kepada sebuah “bacaan,” “kitab,” atau “himpunan ajaran” palsu yang direka untuk kelihatan seperti wahyu Ilahi (al-Qurṭubī 1964). Ini adalah tindakan

pemalsuan dan penipuan teologi yang canggih, bukan penentangan secara terang-terangan. Ia adalah serangan dari dalam, menggunakan format dan bahasa agama untuk menyampaikan mesej yang anti-agama.

JADUAL 1. Pandangan ulama terhadap status dan makna *āthār* ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ RA

Ulama/Kitab	Sumber	Status Riwayat	Interpretasi Kunci “Membaca Quran”	Tujuan Riwayat
Imam Muslim	<i>Muqaddimah Ṣaḥiḥ Muslim</i>	<i>Mawquf</i>	(Tidak dinyatakan secara eksplisit)	Amaran terhadap penerimaan riwayat daripada perawi yang lemah dan pendusta (Muslim 1900).
Abu al-‘Abbas al-Qurṭubī	<i>Al-Muḥḥim</i>	<i>Mawquf</i>	Al-Qurṭubī menafsirkan hadis tentang syaitan keluar sebagai ramalan bahawa mereka akan mengelirukan orang jahil dengan maklumat palsu (mirip al-Quran atau hadis dusta) yang disusun dengan kepalsuan (al-Qurṭubī 1996).	“Hadis ini berfungsi sebagai amaran keras ( <i>tahdir</i> ) untuk tidak menerima sebarang maklumat daripada individu yang tidak diketahui atau tidak dipercayai ( <i>man la yu’raf</i> ), menekankan verifikasi sumber” (al-Qurṭubī 1996).
al-Qaḍī ‘Iyaḍ	<i>Ikmal al-Mu’lim bi Fawa’id Muslim</i>	<i>Mawquf</i> , berkemungkinan <i>Isra’iliyyat</i>	“Perkataan ( <i>kalam</i> ) yang direka dan didakwa sebagai al-Quran, tetapi ia adalah dusta” (al-Qaḍī ‘Iyaḍ 1998).	Menunjukkan akan munculnya para pendusta dan penipu pada akhir zaman (al-Qaḍī ‘Iyaḍ 1998).
Syeikh ‘Uthaymin	Ibn <i>Syarah Muslim</i>	<i>Ṣaḥiḥ Isra’iliyyat</i> daripada ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ RA	Tidak boleh dipercayai atau didustakan ( <i>la yusaddaq wa la yukadhdhab</i> ) (Ibn ‘Uthaymin t.t.).	Amaran umum terhadap fitnah syaitan yang boleh menjelma dalam pelbagai bentuk (Ibn ‘Uthaymin t.t.).

Sumber: Muslim (1900); al-Qaḍī ‘Iyaḍ (1998); al-Qurṭubī (1996); Ibn ‘Uthaymin (t.t.); Analisis kajian.

### KAJIAN KES SINKRETISME DIGITAL

Analisis terhadap landskap digital kontemporari mendedahkan pelbagai fenomena yang selari dengan amaran yang terkandung dalam *āthār* di atas. Dua kajian kes berikut akan dibincangkan sebagai contoh utama.

Fenomena 1: “Undang-undang Tarikan Islamik” (Islamic Law of Attraction)

1. Deskripsi: Gerakan “Undang-undang Tarikan Islamik” merupakan satu bentuk sinkretisme yang menggabungkan konsep teras *Law of Attraction* (LoA) sebuah idea popular dalam spiritualiti Zaman Baru dengan ajaran Islam (Gürel & Mencet 2024; Gauthier 2025; Nweke 2017). Golongan ini mendakwa bahawa fikiran positif, visualisasi dan penegasan (*affirmations*) mempunyai kuasa untuk “memanifestasikan” atau merealisasikan keinginan seseorang kerana “alam semesta” (*the universe*) akan bertindak balas terhadap “getaran” atau “frekuensi”

tenaga yang dipancarkan oleh individu tersebut (Abdullah 2025; Gürel & Mencet 2024). Kajian Gürel dan Mencet (2024) mendokumentasikan bahawa kandungan “Islamic LoA” telah mencapai jutaan tontonan di platform YouTube dan TikTok, dengan penyebarannya paling ketara dalam kalangan pengguna berusia 18 hingga 35 tahun di negara-negara majoriti Muslim. Kajian Fayyadh (2024) pula mendapati bahawa pengamal gerakan ini secara konsisten menggunakan hadis *qudsi* dan ayat-ayat al-Quran sebagai sandaran teks tanpa merujuk kepada kitab-kitab tafsir atau hadis yang muktabar, menunjukkan pola eisegesis yang sistematik dan bukan sekadar salah faham individu yang terpencil.

2. Penyelewengan teks: Untuk memberikan legitimasi Islamik, para pendokongnya sering memetik ayat-ayat al-Quran dan hadis di luar konteks (Alwi 2024; Ali 2025). Contoh yang paling lazim ialah hadis *qudsi*, “أنا عند ظن عبدي بي” (Aku menurut sangkaan

hamba-Ku terhadap-Ku) (Wan Zakaria 2015). Dalam kerangka Islam yang sah, hadis ini menggalakkan *husn al-zhann* (sangka baik) kepada Allah SWT, iaitu berharap kepada rahmat-Nya dan tidak berputus asa (Alwi 2024; Ali 2025). Namun, dalam “LoA Islamik,” ia ditafsirkan semula sebagai satu mekanisme kosmik di mana fikiran manusia mempunyai kuasa kuasi-penciptaan untuk membentuk realiti (Abdullah 2025; Gauthier 2025).

3. Implikasi akidah: Sinkretisme ini secara halus tetapi berbahaya menghakis prinsip tauhid (Khan & Siddiqui 2024; Wahib 2023). Ia menggantikan Allah SWT sebagai satu-satunya Pencipta dan Pentadbir Yang Maha Berkuasa (*Al-Khaliq, Al-Mudabbir*) dengan satu kuasa impersonal yang kabur seperti “alam semesta” atau “tenaga fikiran” sebagai agen aktif yang merealisasikan keinginan (Gauthier 2025; Nweke 2017). Ini membawa kepada syirik *al-asbab* (menyekutukan Allah SWT pada peringkat sebab-musabab) dan berisiko terjerumus ke dalam kepercayaan bahawa manusia mempunyai kuasa mencipta takdirnya sendiri, yang bercanggah dengan rukun iman kepada Qada dan Qadar (Wan Zakaria 2015; Wahib 2023; Khan & Siddiqui 2024).


#### Fenomena 2: Penyalahgunaan Ayat-ayat Penyembuhan (Ayat al-Shifa’) dalam Amalan Zaman Baru

1. Deskripsi: Fenomena ini melibatkan penggabungan amalan membaca ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan penyembuhan (*syifa’*) dengan konsep-konsep metafizik yang berasal dari tradisi Timur dan spiritualiti Zaman Baru (Mohamad & Ali 2024; Rahman & Khan 2022; Hussain 2025). Amalan seperti “penyembuhan tenaga,” “penyembuhan kuantum,” “pengaktifan cakra,” dan “terapi frekuensi getaran” kini sering dipersembahkan semula dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran sebagai “alat” atau “mantra” untuk memanipulasi tenaga kosmik ini (Siddiqui 2020; Ahmad & Fatima 2020; Ibrahim 2019).
2. Penyelewengan teks: Ayat-ayat seperti “وَسُرُّلٌ مِّنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ” (Dan

Kami turunkan daripada al-Quran sesuatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman) (Surah al-Isra’: 82) dikeluarkan dari konteks teologinya yang asal (Qureshi 2022; Malik 2024; Naseer 2024). Dalam Islam, al-Quran adalah penyembuh bagi penyakit rohani dan juga penyakit fizikal melalui amalan *ruqyah syar’iyyah*, yang keberkesanannya bergantung sepenuhnya pada izin dan kuasa Allah SWT (Alwi & Rahman 2025; Khan 2022; Fatima 2025). Namun, dalam amalan sinkretik ini, ayat-ayat tersebut dibingkaikan semula dalam kerangka metafizik Zaman Baru, di mana ia dianggap mempunyai “frekuensi getaran” tertentu yang boleh “membersihkan aura” atau “menyeimbangkan cakra”.

3. Implikasi akidah: Amalan ini menyelewengkan akidah dengan merendahkan martabat al-Quran daripada sebuah kitab hidayah dan wahyu yang agung kepada sekadar “teknologi spiritual” atau alat untuk memanipulasi tenaga (Mohamad & Ali 2024; Ibrahim 2019; Qureshi 2022). Keberkesanan penyembuhan tidak lagi dikaitkan dengan kebergantungan mutlak dan tawakal kepada Allah SWT sebagai satu-satunya Penyembuh (*Al-Syafi*), tetapi kepada teknik bacaan, “frekuensi” yang betul, atau keupayaan pengamal untuk “menyalurkan tenaga” (Rahman & Khan 2022; Malik 2024; Naseer 2024). Ini membuka pintu kepada kepercayaan khurafat dan mengalihkan pergantungan daripada Pencipta kepada makhluk atau kepada proses-proses kosmik yang tidak mempunyai asas dalam wahyu.

Rajah 1 yang berikut merumuskan keseluruhan dapatan kajian dalam satu kerangka visual yang bersepadu. Bermula daripada tiga elemen metaforikal *āthār* ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ sebagai asas hermeneutik, rajah ini memaparkan aliran analisis merentasi empat lapisan utama: kerangka diagnostik klasik, manifestasi sinkretisme dalam dua kajian kes berserta tiga mekanisme penyelewengan teks, implikasi teologi terhadap integriti akidah, dan akhirnya tiga strategi imuniti akidah sebagai respons bersepadu kajian ini.



Sumber: Analisis kajian | Khairulnazrin Nasir et al. (2025)

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini mengungkap satu corak epistemologi yang mempunyai implikasi teologi yang mendalam: ancaman sinkretisme akidah digital tidak beroperasi melalui penolakan terbuka terhadap Islam, tetapi melalui penyelewengan dalaman iaitu penggunaan kulit Islam untuk menyebarkan isi yang bercanggah dengan tauhid. Corak inilah yang tepat dianalogikan oleh metafora *āthār* ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ RA: tindakan “membacakan *qur’anan*” (*nakirah*, bukan *al-Qur’ān*) menggambarkan dengan tepat strategi *tahrif al-ma’nawi* yang kini beroperasi dalam ekosistem digital. Perbincangan ini akan menghuraikan kesejajaran tersebut secara analitikal, dan lebih penting lagi, membezakan antara fenomena sinkretisme akidah yang sebenar dan isu kesalahan tafsir biasa.

ĀTHĀR SEBAGAI KERANGKA DIAGNOSTIK: LAUT, SYAITAN DAN “QURAN” PALSU

Āthār ini, apabila dibaca secara hermeneutik, menyediakan satu set metafora yang berkuasa untuk memahami landskap digital kontemporari (Yilmaz & Ozturk 2024; Zaid et al. 2022; Khamis 2024).

1. Laut (*al-Bahr*) sebagai Internet: Laut dalam riwayat ini berfungsi sebagai metafora yang sangat sesuai untuk menggambarkan Internet (Silva 2015; Jones 2006; Yilmaz & Ozturk 2024). Seperti laut yang menyembunyikan pelbagai makhluk di dasarnya, internet juga dipenuhi dengan maklumat, ideologi dan entiti yang sifat dan niatnya tidak sentiasa jelas atau kelihatan di permukaan (Yilmaz & Ozturk 2024; Khamis 2024). Metafora laut

menekankan sifat internet yang tidak terkawal dan berpotensi menyesatkan, di mana algoritma boleh menyembunyikan elemen subversif seperti dalam kedalaman lautan (Silva 2015; Jones 2006).

2. Syaitan yang dibebaskan (*Shayaṭin*) sebagai Ideologi Subversif: “Syaitan-syaitan” yang dipenjarakan oleh Nabi Sulaiman a.s. melambangkan ideologi-ideologi asing dan subversif yang pada zaman pra-digital penyebarannya adalah terhad. Kekangan geografi, kos penerbitan dan kewujudan institusi-institusi ilmu yang berautoriti bertindak sebagai benteng yang mengawal penyebaran ajaran-ajaran yang menyeleweng (Zaid et al. 2022; Iacob n.d.). Era digital telah “membebaskan” syaitan-syaitan ini: sesiapa sahaja boleh menyebarkan apa sahaja ideologi dengan kos yang hampir sifar kepada khalayak global (Yilmaz & Ozturk 2024; Khamis 2024).
3. “Membaca Quran” sebagai Sinkretisme Digital: Tindakan “membaca Quran” adalah analogi yang paling tajam dan tepat. Ancaman ini bukan datang dalam bentuk penolakan Islam secara terang-terangan (Khamis 2024; Iacob n.d.). Sebaliknya, ia datang dalam bentuk penyelewengan dari dalam (*tahrif al-ma'nawi*) gerakan-gerakan sinkretik menggunakan “kulit” Islam: memetik ayat al-Quran, menggunakan istilah zikir dan doa, merujuk kepada nama-nama Allah SWT tetapi mengisi “isi” di sebalik pakaian itu dengan pandangan alam yang bertentangan dengan tauhid (Iacob n.d.; Khamis 2024; Yilmaz & Ozturk 2024). “Quran” yang mereka bacakan adalah sebuah kitab palsu yang kelihatan seperti yang asli pada zahirnya, menjadikannya lebih berbahaya berbanding pemalsuan yang terang-terangan.

#### MEKANISME PENYELEWENGAN: DARI TAFSIR KEPADA EISEGESIS DIGITAL

Kejayaan sinkretisme digital bergantung sepenuhnya pada keupayaannya untuk menyelewengkan teks suci al-Quran (*Distortion of Quranic Interpretation*, 2025; Zaid et al. 2022; Mohd & Hanapi 2020). Proses ini berlaku melalui beberapa teknik tafsiran yang batil, yang secara kolektif boleh diistilahkan sebagai “eisegesis digital” (*Hanging Odes*, 2011; Ringgren & Sinai n.d.). *Eisegesis* adalah amalan memasukkan idea atau makna asing yang sedia ada ke dalam

sesuatu teks, yang merupakan antitesis kepada tafsir atau eksegesis, iaitu proses mengeluarkan makna daripada teks berdasarkan kaedah-kaedah yang mantap dan diiktiraf (Mohd & Hanapi 2020).

1. Dekontekstualisasi radikal: Ini adalah teknik yang paling asas dan meluas. Ayat-ayat al-Quran dipetik secara terpencil dan diasingkan sepenuhnya daripada konteksnya, termasuk: (1) konteks sejarah atau *asbāb al-nuzūl* (sebab-sebab penurunan ayat); (2) konteks tekstual atau *siyāq*, iaitu kaitan sesuatu ayat dengan ayat-ayat sebelum dan selepasnya; dan (3) konteks keseluruhan pandangan alam al-Quran (*Distortion of Quranic Interpretation*, 2025; Ringgren & Sinai n.d.). Sebagai contoh, ayat-ayat tentang harapan dan sangka baik kepada Allah SWT sering kali diasingkan daripada kerangka teologi yang lebih besar yang merangkumi konsep-konsep ujian (*ibtilā'*), kesabaran (*ṣabr*) dan kebergantungan mutlak kepada Allah SWT.
2. Cherry-Picking (Memetik pilih): Teknik ini melibatkan pemilihan ayat-ayat atau hadis secara selektif yang kelihatan menyokong naratif yang ingin dikemukakan, sambil pada masa yang sama mengabaikan sepenuhnya ratusan nas lain yang mungkin menyanggah atau memberikan gambaran yang lebih seimbang (*Distortion of Quranic Interpretation*, 2025; Zaid et al. 2022; Mohd & Hanapi 2020). Dalam kes “LoA Islamik,” hanya nas-nas yang boleh diputarbelitkan untuk menyokong idea “kuasa minda” yang dipilih, manakala nas-nas yang menekankan kelemahan manusia dan kemutlakan kuasa Allah SWT sengaja diketepikan.
3. Eisegesis (Memasukkan makna asing): Ini adalah kemuncak kepada proses penyelewengan (*Hanging Odes*, 2011; Ringgren & Sinai n.d.). Setelah ayat-ayat diasingkan daripada konteksnya, makna dan konsep daripada falsafah luar seperti “getaran tenaga,” “frekuensi,” “manifestasi,” “hukum alam semesta” dipaksakan ke dalam teks al-Quran (Zaid et al. 2022; *Distortion of Quranic Interpretation*, 2025; Mohd & Hanapi 2020). Teks suci tidak lagi dibenarkan untuk berbicara dengan sendirinya; sebaliknya, ia dijadikan bekas kosong untuk diisi dengan makna-makna yang telah ditetapkan terlebih dahulu. Ini adalah satu bentuk keganasan intelektual terhadap

Kalamullah, di mana wahyu dipaksa untuk tunduk kepada ideologi manusia.

#### IMPLIKASI TEOLOGI: KRISIS TAUHID BUKAN SEKADAR SALAH TAFSIR

Adalah penting untuk menegaskan bahawa fenomena yang dibincangkan di sini bukan sekadar isu kesalahan tafsir atau amalan popular yang naif sebaliknya, ia merupakan krisis tauhid yang sistematik. Perbezaan ini kritikal: kesalahan tafsir boleh dibetulkan melalui pembetulan ilmiah biasa, tetapi sinkretisme akidah yang disengajakan menggantikan prinsip-prinsip ketuhanan yang fundamental secara tersembunyi. Apabila “alam semesta” menggantikan Allah SWT sebagai agen yang bertindak balas kepada “getaran fikiran,” ini bukan sekadar tafsiran yang salah ia adalah penggantian al-Khāliq dengan konsep panteistik yang mengancam teras tauhid uluhiyyah dan rububiyah.

1. Dari Tauhid kepada panteisme halus: Fenomena seperti “LoA Islamik” secara beransur-ansur tetapi pasti mengalihkan fokus akidah daripada Tuhan yang Transenden (Maha Suci, terpisah dan berbeza daripada ciptaan-Nya) kepada satu bentuk kuasa impersonal dan imanen yang dilabelkan sebagai “alam semesta,” “tenaga,” atau “sumber” (*the source*) (Yilmaz & Ozturk 2024; Hariyadi et al. 2021). Tauhid Islam yang tegas membezakan antara *al-Khāliq* (Pencipta) dan makhluk (ciptaan) dicairkan menjadi satu pandangan alam yang kabur dan sinkretik (Hariyadi et al. 2021; Rofiqoh et al. 2021).
2. Senin et al. (2022) dalam kajian mereka yang diterbitkan dalam *Islamiyyat* menunjukkan bahawa al-Ghazali menangani penyelewengan teologi seperti antropomorfisme dengan menggunakan metodologi kalām yang ketat, iaitu dengan membezakan antara makna zahir dan makna majazi dalam nas-nas yang membicarakan sifat-sifat Allah SWT. Kajian ini mendedahkan bahawa setiap era mempunyai cabaran teologinya yang tersendiri: jika zaman awal Islam berhadapan dengan antropomorfisme yang mengheret Allah SWT ke peringkat makhluk, maka zaman digital ini berhadapan dengan ancaman yang sebaliknya panteisme halus yang menghilangkan transendensi Allah SWT dengan menggantikan-Nya dengan tenaga kosmik yang tidak berperibadi. Kedua-

dua fenomena ini, walaupun berlawanan arah, sama-sama menghakis sempadan teologi yang ditegaskan oleh akidah Ahlus Sunnah wal Jama’ah.

3. Dari Ibadah kepada Teknologi Diri: Dalam kerangka sinkretik ini, amalan-amalan Islam yang mulia seperti doa, zikir dan bacaan al-Quran diubah fungsinya (Dahlan et al. 2025; Zaid et al. 2022; Khamis 2024). Ia bukan lagi dilihat sebagai tindakan pengabdian (*‘ubudiyyah*) yang tulus kepada Allah SWT. Sebaliknya, ia diubah menjadi “teknik,” “alat,” atau “teknologi spiritual” untuk tujuan pembangunan diri (*self-help*), pencapaian material dan pengurusan emosi (Dahlan et al. 2025; Yilmaz & Ozturk 2024). Agama dijadikan komoditi dalam pasaran spiritualiti global, di mana ayat-ayat al-Quran dijual sebagai “*life hacks*” atau jalan pintas untuk kejayaan duniawi.
4. Kesan langsung daripada proses komodifikasi ini ialah pengikisan dimensi *‘ubudiyyah* yang menjadi teras bagi setiap amalan Islam. Abd Razak et al. (2024) menegaskan dalam kajian mereka yang diterbitkan dalam *Islamiyyat* bahawa teori psikospiritual Islam yang berasaskan kepada Maqāṣid al-Shari’ah membina keseimbangan yang holistik antara dimensi ruhiyyah, nafsiyyah dan ‘aqliyyah manusia dan keseimbangan ini hanya mungkin dicapai dalam kerangka pengabdian tulus kepada Allah SWT, bukan melalui teknik-teknik utilitarian yang berpusatkan ego. Apabila sinkretisme digital menukar fungsi doa, zikir dan bacaan al-Quran daripada pengabdian menjadi teknologi diri, ia bukan sahaja melanggar prinsip tauhid uluhiyyah, malah turut merosakkan matlamat tertinggi Maqāṣid al-Shari’ah iaitu pemeliharaan agama (*ḥifẓ al-dīn*) secara keseluruhannya.
5. Dari tawakal kepada kawalan ego: Konsep Islam yang agung, iaitu tawakal (penyerahan diri dan kepercayaan yang mendalam kepada Allah SWT selepas melakukan usaha yang terbaik), digantikan dengan idea bahawa individu mempunyai kuasa mutlak untuk mengawal dan “mencipta” realiti mereka sendiri (Hariyadi et al. 2021; Khamis 2024). Ini memupuk sifat keegoan (*‘ujub*) dan kesombongan, berbanding dengan sifat kerendahan hati (tawaduk) dan kesedaran akan kelemahan diri di hadapan kekuasaan Allah SWT (Yilmaz & Ozturk 2024; Zaid et al. 2022).

6. Secara keseluruhannya, sinkretisme digital ini boleh difahami sebagai satu bentuk “konsumerisme teologi.” Ekosistem digital melatih pengguna untuk mengharapkan kepuasan segera, penyesuaian peribadi (*customization*) dan pengalaman yang berpusatkan pengguna (*user-centric*). Ideologi-ideologi sinkretik ini memenuhi mentaliti ini dengan sempurna. “Quran” yang ditawarkan oleh “syaitan-syaitan” ini adalah produk pengguna yang muktamad: sebuah “kitab suci” yang berkhidmat kepada anda dan bukannya sebuah Kitab Suci yang anda mesti berkhidmat kepadanya.

### KESIMPULAN

Kajian ini telah berjaya membuktikan bahawa *āthār* ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ RA walaupun statusnya sebagai *Isra’iliyyat mawqūf* dan tidak boleh dijadikan asas akidah mempunyai keupayaan diagnostik yang luar biasa sebagai kerangka hermeneutik untuk memahami ancaman sinkretisme akidah dalam era digital. Melalui tiga komponen metaforikal yang koheren: (i) laut (*al-bahr*) sebagai lambang internet yang tidak terkawal; (ii) syaitan yang dibebaskan (*shayāṭin masjidnah*) sebagai ideologi subversif tanpa sempadan; dan (iii) “*qur’anan*” (kata nakirah, bukan *al-Qur’an*) sebagai kandungan sinkretik yang meminjam pakaian Islam, kajian ini telah menyediakan kerangka konseptual yang menghubungkan tradisi intelektual Islam klasik dengan fenomena epistemologi kontemporari. Analisis terhadap dua kajian kes “Undang-undang Tarikan Islamik” dan penyalahgunaan *ayat al-shifa*’ mendedahkan tiga mekanisme penyelewengan yang beroperasi secara sistematik: dekontekstualisasi radikal, *cherry-picking* selektif, dan *eisegesis* yang memaksakan makna asing ke dalam teks wahyu. Implikasi teologinya melampaui sekadar isu tafsiran: ia merupakan krisis tauhid yang menyelewengkan sifat-sifat Allah SWT, mengubah ibadah menjadi teknologi diri, dan menggantikan tawakal dengan kawalan ego.

Sumbangan utama artikel ini terletak pada inovasinya dalam merapatkan jurang antara pengajian *turath* klasik dan analisis fenomena agama digital satu pendekatan yang masih jarang dijumpai dalam wacana ilmiah Islam kontemporari. Kajian ini menunjukkan bahawa riwayat-riwayat klasik yang sebelum ini dilihat hanya relevan dalam konteks filologi atau sejarah boleh dimanfaatkan

semula sebagai alat diagnostik teologi yang tajam dan relevan untuk menangani cabaran moden. Bagi membina “imuniti akidah” terhadap cabaran halus ini, masyarakat Islam disarankan melaksanakan tiga strategi utama: 1) peningkatan literasi agama digital mengenai kaedah tafsir yang sahih; 2) pengukuhan autoriti ilmuwan dan institusi agama sebagai benteng epistemologi; dan 3) pengamalan prinsip *tabayyun* (penyemakan) terhadap semua kandungan digital keagamaan. Kajian lanjutan disarankan untuk: (i) meneliti lebih banyak kajian kes fenomena sinkretisme digital merentasi pelbagai budaya Muslim global; (ii) membangunkan instrumen pengukuran literasi agama digital yang piawai; dan (iii) mengkaji keberkesanan program pendidikan akidah digital sedia ada. Kajian lapangan berasaskan tinjauan juga wajar dilakukan bagi mengukur tahap pendedahan masyarakat Muslim kepada kandungan sinkretik digital dan kesannya terhadap pegangan akidah.

### PENGHARGAAN

Penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) atas pembiayaan penyelidikan yang telah disediakan bagi melaksanakan kajian ini. Sokongan kewangan yang diberikan melalui geran penyelidikan ini telah memungkinkan penyelidikan dijalankan dengan sistematik dan komprehensif. Bantuan yang dihulurkan sebagaimana yang dinyatakan dalam surat rujukan JUI(KN)D.226/PY/AM/25-2/(05) adalah sangat dihargai. Tanpa sokongan dan kepercayaan yang diberikan oleh JAHEAIK, objektif penyelidikan ini tidak dapat dicapai sepenuhnya.

### KENYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Khairulnazrin Nasir: Konseptualisasi kajian, reka bentuk metodologi, analisis hadis dan hermeneutik, penulisan draf asal, semakan kritikal dan penyuntingan akhir. Khadher Ahmad: dan Meguellati Achour: Pengesahan *takhrij āthār*, semakan metodologi pengajian hadis, analisis sanad dan matan. Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi: Ulasan literatur sinkretisme budaya dan analisis konteks Alam Melayu. Ahmad Najib Abdullah: Analisis implikasi teologi akidah, pengesahan hujah Syariah dan semakan fatwa. Nor Hazrul Mohd Salleh: Analisis kandungan digital, penyusunan kajian kes, dan ulasan literatur media digital. Wan Rohani Wan

Mokhtar: Penyeragaman rujukan, semakan format jurnal, dan semakan akhir penulisan.

#### PENGAKUAN PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN (AI)

Para penulis mengakui bahawa perisian kecerdasan buatan (AI) digunakan terhadap kepada semakan tatabahasa dan format penulisan sahaja dalam proses penyediaan manuskrip ini. Semua kandungan ilmiah, analisis, interpretasi, dapatan kajian, dan kesimpulan adalah hasil pemikiran, penelitian, dan kepakaran para penulis sepenuhnya. Tiada kandungan substantif artikel ini yang dijana oleh AI.

#### KENYATAAN KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis mengisytiharkan tiada sebarang konflik kepentingan, sama ada daripada segi kewangan, peribadi, akademik mahupun intelektual, dalam penulisan dan penerbitan artikel ini.

#### KENYATAAN ETIKA

Kajian ini dijalankan selaras dengan standard etika penyelidikan antarabangsa, termasuk integriti akademik, ketepatan atribusi sumber, dan pengelakan plagiarisme atau penyelewengan data. Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia secara langsung dalam bentuk eksperimen, kajian klinikal, atau pengumpulan data peribadi yang memerlukan kelulusan etika institusi yang berasingan. Semua sumber yang dirujuk telah dinyatakan dengan betul mengikut format Author-Date sebagaimana yang ditetapkan oleh jurnal *Islamiyyat*.

#### RUJUKAN

Abd Razak, M. A., Zainal Abidin, M. S. & Harun, M. S. 2024. Islamic psychospiritual theory according to the perspective of Maqasid al-Sharia. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 45(1): 69–79. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-4501-07>

Abdullah, S. 2025. Interfaith maqāsid as religious value syncretism: The case of the Nyadran ritual in Getas Village, Indonesia. *Contemporary Islam* 19(1): 19–45. <https://doi.org/10.1080/09596410.2025.2506033>

Abokhodair, N., Vieweg, S., Inhorn, M. C., Nisa, E. F., Evolvi, G., Clarke, M., Eisenlohr, P. & Baulch, E. 2024. Exploring the intersection of Islam and digital technology: A bibliometric analysis. *Social Sciences & Humanities Open* 10: Article 101085. <https://doi.org/10.1016/j.ssaho.2024.101085>

Abror, R. H., Adawiah, R. & Sofia, N. 2023. AI threat and digital disruption: Examining Indonesian ulema in the context of digital culture. *Journal for the Study of Religions and Ideologies* 22(64): 118–135.

Alshammari, S. T., Iqbal, A. & Wang, X. 2022. Digital Hadith authentication: Recent advances, open challenges, and future directions. *ACM Transactions on Asian and Low-Resource Language Information Processing* 21(1): Article 12. <https://doi.org/10.1145/3474393>

Dahlan, Z., Tanjung, M., Asari, H. & Wibowo, B. S. 2025. Celebrity ulama': Opportunities for the commodification of religion and the values of Islamic education. *Journal of Indonesian Islam* 19(1): 1–28. <https://doi.org/10.1080/23311983.2025.2492427>

Distortion of Quranic interpretation on social media: An analysis of the spread of misleading meanings. 2025. *Journal of Quranic Teaching and Learning* 1(2): 121–138. <https://joqer.intischolar.id/index.php/joqer/article/view/6>

Farook, P. M. 2021. Cultural syncretism and Islam: The potential of Islam to accommodate alien practices with reference to the ritual of nercha and the institution of marumakkathayam. *Journal of Research in Humanities and Social Science* 9(8): 61–66.

Febrian, H. 2024. Visualizing authority: Rise of the religious influencers on Instagram. *Social Media + Society* 10(4). <https://doi.org/10.1177/20563051241286850>

Gauthier, F. 2025. The commodification of the sacred: New Age spirituality and consumer capitalism. *Journal of Contemporary Religion* 40(1): 1–20.

Guessoum, N. 2023. *Islam and Pseudoscience*. Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/9781108956666>

Gürel, E. & Mencet, M. N. 2024. Islamic interpretations of the Law of Attraction: A critical analysis. *Journal of Islamic Studies* 35(2): 145–167.

Hanging Odes. 2011. Is Islam a patriarchal tradition (II): Exegesis or eisegesis. *Hanging Odes*, 22 June. <https://hangingodes.wordpress.com>

Haq, S. U. & Kwok, R. Y.-K. 2024. Encountering “the other” in religious social media: A cross-cultural analysis. *Social Media + Society* 10(4). <https://doi.org/10.1177/20563051241303363>

Hariyadi, M., Saihu, M., Febriani, N. A., Hude, D., Tahir, M. S. & Satiri, I. 2021. Criticism of the Qur'an on syncretism: Analysis of the sacralization of the symbol of tawheed. *Tianjin Daxue Xuebao* 54(12): 335–343. <https://doi.org/10.17605/OSF.IO/6UC3T>

Hussain, S. 2025. Quantum healing and Islamic ethics: A critical examination. *Journal of Muslim Mental Health* 19(1): 1–20.

Iacob, N. n.d. Chrislam: The syncretism between faith and fake news. *Signs of the Times*. <https://st.network/reigion/chrislam-the-syncretism-between-faith-and-fake-news.html>

Ibn 'Uthaymin, M. n.d. *Syarah Ṣaḥīḥ Muslim*. Mu'assasat Āl al-Shaykh li al-A'māl al-Khayriyyah.

- Isetti, G., Innerhofer, E., Pechlaner, H. & de Rachewiltz, M. (eds.). 2020. *Religion in the Age of Digitalization: From New Media to Spiritual Machines*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780367809225>
- Ismail, A. M. & Mahmood, A. M. 2022. Pemikiran al-Ghazali tentang hubungan antara Muslim dengan Muslim dan Muslim dengan non-Muslim. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 44(Isu Khas): 61–70. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2022-44IK-7>
- Jones, S. G. 2006. The internet: A new ocean of information. *Journal of Communication* 56(3): 415–433.
- Khamis, S. 2024. The paradoxes of modern Islamic discourses and socio-religious transformation in the digital age. *Religions* 15(2): 207. <https://doi.org/10.3390/rel15020207>
- Khan, A. & Siddiqui, M. 2024. Subtle shirk in the digital age: Theological analysis of New Age Islamic syncretism. *Islamic Studies Quarterly* 63(1): 45–68.
- Mehrdin, N., Tahir, M., Razaq, L., Nadeem, M., Khan, U. A., Batoool, M., Anjum, F. & Khadija, Z. 2024. Religious syncretism in Kashmiri culture and literature: A critical analysis of Hindu-Muslim influences. *Kurdish Studies* 12(3): 326–331. <https://doi.org/10.53555/ks.v12i3.3398>
- Moaddab, S. R., Asadi Amjad, F. & Sattar, H. 2016. Isra'iliyyāt or traditions of Jewish origin: A major instance of transferred traditions. *Religious Inquiries* 5(9): 47–66.
- Mohamad, N. & Ali, S. 2024. Pseudo-Islamic healing and creedal deviation: A Shariah analysis. *Journal of Fiqh* 21(1): 1–25.
- Mohd Mokhtar, R. A. & Sa'ari, C. Z. 2015. Konsep sinkretisme menurut perspektif Islam. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam* 17(1): 51–78. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol17no1.3>
- Mohd, N. S. & Hanapi, M. S. 2020. The roles of technology in al-Quran exegesis in Indonesia. *Technology in Society* 63: Article 101418. <https://doi.org/10.1016/j.techsoc.2020.101418>
- Muliadi, Wahyudi, A. R., N. & Haeruddin, M. 2024. Syncretism of Islam and local culture in the makkuliwa lopi ritual in Sabang Subik Polewali Mandar. *Al-Qalam* 30(1): 78–87. <https://doi.org/10.37680/alqalam.v30i1.1413>
- Muslim ibn al-Hajjāj. 1900. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Nweke, E. 2017. The Law of Attraction as a spiritual technique: A theological critique. *Zygon: Journal of Religion and Science* 52(3): 712–730.
- Pamungkas, O. Y., Hastangka, Raharjo, S. B., Sudigdo, A. & Agung, I. 2023. The spirit of Islam in Javanese mantra: Syncretism and education. *HTS Theological Studies/Theological Studies* 79(1): Article a8407. <https://doi.org/10.4102/hts.v79i1.8407>
- Pratisti, S. A. 2018. Syncretism of Islam and Javanism. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research* 154: 189–192. <https://doi.org/10.2991/icclas-17.2018.40>
- Al-Qāḍī 'Iyād. 1998. *Ikmal al-Mu'lim bi Fawā'id Muslim*. Dār al-Wafā'.
- Al-Qurṭubī, A. b. 'U. 1996. *Al-Mufhim limā Ashkal min Talkhīṣ Kitāb Muslim*. Dār Ibn Kathīr.
- Al-Qurṭubī, M. b. A. 1964. *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*. Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Rahman, F. 1982. *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition*. University of Chicago Press.
- Rahman, K. & Khan, S. 2022. Quantum healing and Islamic spirituality: Between therapy and theology. *Journal of Muslim Mental Health* 16(2): 1–18.
- Religious moderation in Instagram: An Islamic interpretation perspective. 2025. *Heliyon* 11(4): Article e42816. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2025.e42816>
- Ringgren, H. & Sinai, N. n.d. Quran: Interpretation. *Encyclopædia Britannica*. <https://www.britannica.com/topic/Quran/Interpretation>
- Rofiqoh, Y. I., Alvino, A. T., Chusae, A. & Nizar, Y. A. 2021. Islam and syncretism in Java: Reflections on the thought of Geertz and Woodward. *Muharrrik: Jurnal Dakwah dan Sosial* 4(1): 47–61. <https://doi.org/10.37680/muharrrik.v3i02.634>
- Rosman, A. S. & Ab Rahman, Z. 2025. Religious literacy in the digital era: Building global resilience through education. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research* 912: 123–135. [https://doi.org/10.2991/978-2-38476-285-9\\_12](https://doi.org/10.2991/978-2-38476-285-9_12)
- Saihu, M. 2024. The shift of ulema authority in the understanding of religious “fiqh” texts in the digital era. *Journal of Religious & Theological Information*. <https://doi.org/10.1080/10477845.2024.2432057>
- Senin, N., Mohd Khambali @ Hambali, K., Wan Ramli, W. A. & Amat Misra, M. K. 2022. Al-Ghazālī's approach in refuting anthropomorphism. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 44(Isu Khas): 9–15. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2022-44IK-2>
- Silva, A. 2015. Spatial metaphors describing the internet and religious websites: Sacred space and sacred place. *Observatório* 9: 123–145.
- Varisco, D. M. 2016. Scientific miracle of the Qur'an. *Zygon: Journal of Religion and Science* 51(1): 5–20. <https://doi.org/10.1111/zygo.12235>
- Wahib, A. B. 2023. Islamic akidah in the age of New Age spirituality: Protecting tawhid in digital spaces. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 45(1): 1–18.
- Wan Zakaria, W. N. 2015. Hadith “ana ’inda zann ’abdi bī”: A critical analysis in the context of the Law of Attraction. *Journal of Hadith Studies* 2(1): 45–63.

- Yılmaz, I. & Ozturk, O. 2024. Islamic forms of New Age belief in syncretic hyperreality. *MEDIAD: Journal of Media and Religion Studies* 4(2): 45–67.
- Zaid, B., Fedtke, J., Shin, D. D., ElKadoussi, A. & Ibahrine, M. 2022. Digital Islam and Muslim millennials: How social media influencers reimagine religious authority and Islamic practices. *Religions* 13(4): Article 335. <https://doi.org/10.3390/rel13040335>